



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

HEBAHAN KEPUTUSAN PERMOHONAN BAGI KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI (KK) DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) SESI AKADEMIK 2023/2024 BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) peringkat Sijil, Asasi dan Diploma Sesi Akademik 2023/2024 bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan pada **7 Julai 2023**.

Keputusan boleh disemak mulai **7 Julai 2023, jam 12.00 tengah hari hingga 16 Julai 2023, jam 5.00** petang melalui platform seperti berikut:

a) Secara atas talian melalui pautan;

- i. <https://jpt.utm.my>
- ii. <https://jpt.uum.edu.my>
- iii. <https://jpt.unimas.my>
- iv. <https://jpt.ums.edu.my>
- iv. <http://jpt.umt.edu.my>

b) Melalui Aplikasi Mobile UPUPocket di telefon pintar.

Pengesahan setuju terima/tolak tawaran bermula pada **8 Julai 2023 hingga 16 Julai 2023** di laman web Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam

(ILKA). Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh IPTA dan ILKA kepada yang berjaya mulai **8 Julai 2023** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.

Hanya pemohon yang **tidak berjaya** atau mendapat **tawaran pengajian peringkat sijil** sahaja boleh mengemukakan **permohonan rayuan** melalui UPUOnline® bagi kemasukan ke UA dan Politeknik di <https://upu.mohe.gov.my> dalam tempoh **10 hari mulai 7 Julai 2023, jam 12.00 tengah hari sehingga 16 Julai 2023, jam 5.00 petang**. Rayuan ke Kolej Komuniti dan ILKA boleh dimajukan terus ke institusi berkenaan tanpa melalui UPUOnline® .

Tawaran tempat bagi Sesi Akademik 2023/2024 adalah MUKTAMAD dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian dan IPTA/ILKA **tidak dibenarkan**. Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan berkenaan UPUOnline® boleh diajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA) secara terus melalui:

No tel : 03 – 8684 2363
Emel : upu@mohe.gov.my
Sistem Maklum Balas : <https://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/>
UPUChat : <http://upu-chat.ml/UPUChat/>

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
4 JULAI 2023